

HASIL PERKUKUH JARINGAN MEDIA SABAH, TINGKAT KEFAHAMAN DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT

KOTA KINABALU – Usaha mendekatkan maklumat percukaian kepada masyarakat terus diperkasa oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) melalui kerjasama berterusan dengan pengamal media di Sabah, khususnya dalam memastikan perkembangan dan perubahan sistem percukaian dapat difahami dengan tepat dan jelas oleh rakyat.

Komitmen tersebut dizahirkan menerusi **Majlis Apresiasi HASiL Bersama Dengan Media Negeri Sabah 2026** yang menghimpunkan pengamal media daripada pelbagai agensi di Sabah, di samping menjadi platform interaksi dan perkongsian pandangan berkaitan perkembangan percukaian serta keperluan masyarakat setempat.

YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dalam ucapan penghargaananya berkata peranan media sentiasa penting dalam membantu masyarakat memahami perubahan landskap percukaian, khususnya apabila sistem percukaian kini bergerak ke arah pendigitalan, automasi dan penggunaan data yang lebih meluas.

Menurut beliau, media bukan sekadar menyampaikan berita, malah turut berperanan menjelaskan perubahan, merungkai kekeliruan serta membina kepercayaan masyarakat berdasarkan maklumat yang tepat ketika berucap pada majlis berkenaan di Sabah International Convention Centre (SICC).

Selain itu, bulan Oktober ini telah diangkat menjadi **Bulan HASiL** dengan tema **“Lapor Sukarela, Tanggungjawab Bersama”**. Antara inisiatif utama sepanjang Bulan HASiL ialah Jelajah Literasi HASiL yang mendekatkan pendidikan percukaian kepada masyarakat di lokasi tumpuan, di samping membuka ruang kepada rakyat untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan secara langsung daripada HASiL mengenai percukaian.

HASiL berharap jalinan strategik bersama media di Sabah akan terus diperkukuh sebagai rakan penyampai maklumat yang berwibawa, sekali gus meningkatkan kefahaman, keyakinan dan pematuhan percukaian secara sukarela dalam kalangan masyarakat demi pembangunan negara yang mampan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.



Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 26 September 2026

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan penghargaan sempena Majlis Apresiasi HASiL Bersama Dengan Media Negeri Sabah 2026.



KPE HASiL menyampaikan plak penghargaan kepada media diiringi YBhg. Dato' Khairul Halimin Abdul Halim, TKPE (Operasi Percukaian).



KPE HASiL bergambar kenang-kenangan bersama dengan pengamal media yang hadir meraikan majlis.